

Jadi tumpuan peserta luar negara

Paya Indah Wetlands dilantik sebagai tuan rumah sempena acara INOV-8 MDKL Trail Run 2016

BANTING - Paya Indah Wetlands bakal menjadi tumpuan pengunjung sempena berlangsungnya INOV-8 MDKL Trail Run 2016 anjuran Cyclic Sport bersama Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), 27 Mac ini.

Acara yang pertama kali dianjurkan di sini dijangka dapat menarik ribuan pengunjung memandangkan Paya Indah Wetlands antara destinasi pelancongan yang terdapat di daerah ini.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pengajuran acara itu dilihat mampu merealisasikan hasrat kerajaan negeri yang ingin mewujudkan pelancongan melalui aspek sukan.

Menurutnya, sebanyak lapan negara seperti Amerika Syarikat, Perancis, United Kingdom, Brunei, Thailand, Filipina, Singapura dan juga Malaysia mengesahkan penyertaan di kejohanan terbabit dengan penyertaan seramai 1,400 peserta.

"Bagi menyokong usaha ini,



Mohd Azhar (tengah) ketika menerima kasut tajaan jenama INOV8 bersama Azlihana (tiga, kanan).

MDKL bertanggungjawab menyediakan prasarana yang lengkap untuk menarik kehadiran pelancong dari dalam mahu pun luar negara.

"Antara usaha yang dilaksanakan pihak kami seperti menaik taraf Dataran Banting di mana menelan belanja sebanyak RM400,000. Dataran ini dilengkapi lagi dengan kemudahan

wall climbing melalui fasa ketiga.

"Pihak MDKL juga telah siap menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf taman permainan di Pantai Morib yang menelan belanja sebanyak RM40,000 yang siap sepenuhnya Januari lepas," katanya dalam sidang media INOV-8 MDKL Trail Run 2016 di Bilik Cempaka Kuning,

MDKL semalam.

Mohd Azhar menambah, bagi mengindahkan lagi kawasan Pantai Morib, MDKL membelanjakan lebih RM180,000 bagi kerja-kerja memasang lampu LED, lampu pesisir pantai dan lampu limpah.

Katanya, bagi 2016, MDKL bakal menganjurkan beberapa acara pada

tahun ini seperti Bukit Jugra Trail Run 2016, MDKL Echo Challenge, Jugra International Paragliding Accuracy Championship 2016 dan juga Retromania Grand Gathering 2016.

Sementara itu, pengurus acara Cyclic Sport, Azlihana Abdul Rahim berkata, INOV-8 MDKL Trail Run 2016 menampilkan satu kelainan di mana peserta akan melakukan larian dengan melalui denai dan tanah lembap Paya Indah Wetlands.

"Pemenang tempat pertama akan membawa pulang hadiah berupa kasut INOV8 bernilai RM700 beserta 2XU top dan bottom calf, tempat kedua kasut INOV8 bernilai RM600 beserta 2XU top dan bottom calf.

"Tempat ketiga pula, kasut INOV8 bernilai RM500 beserta 2XU top dan bottom calf, tempat keempat kasut INOV8 bernilai RM300 beserta 2XU top dan bottom calf serta tempat kelima membawa pulang kasut INOV8 bernilai RM200 beserta 2XU top dan bottom calf," katanya.